

# KENYATAAN AKHBAR

*untuk siaran segera*

## BANK MUAMALAT ANJUR PROGRAM DERMA DARAH 2023 BAGI MENINGKATKAN RIZAB DARAH DALAM TABUNG DARAH NEGARA

**KUALA LUMPUR, 14 Jun 2023:** Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) telah menganjurkan Program Derma Darah 2023 dengan matlamat untuk meningkatkan rizab darah dalam Tabung Darah Negara bagi menampung keperluan permintaannya. Selain itu, langkah ini diharap akan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah. Program ini dijalankan bersempena dengan sambutan Hari Penderma Darah Sedunia yang diadakan setiap tahun pada 14 Jun. Untuk tahun kedua berturut-turut, Bank Muamalat telah bekerjasama dengan pelbagai hospital kerajaan dan swasta bagi menjalankan program ini dari bulan Jun hingga bulan Julai 2023 di beberapa lokasi terpilih di seluruh negara.

Pada tahun 2022, pihak Bank Muamalat telah berjaya membantu mengumpul sebanyak lebih daripada 1,600 pek darah hasil sumbangan orang ramai. Manakala bagi tahun 2023, Bank Muamalat menetapkan sasaran awal sebanyak 2,000 pek darah dapat dikumpul bagi program tahun ini. Bank Muamalat berharap dapat mencapai sasaran yang lebih besar dalam memenuhi keperluan darah di pelbagai sektor perubatan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata program sebegini dapat membantu memastikan bekalan darah mencukupi, untuk merawat pesakit dalam kecemasan. Beliau juga menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak hospital dalam menjayakan program ini, serta memberikan sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat.

"Harapan saya agar program seumpama ini menjadi platform utama yang memberikan impak positif kepada komuniti dalam menangani masalah kekurangan bekalan darah, dan seterusnya membantu mereka yang memerlukan dalam mencapai Kehidupan yang Lebih Baik, Bersama Komuniti," kata Khairul.

Selain Program Derma Darah, Bank Muamalat turut menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan kewangan individu dan perniagaan. Masyarakat setempat juga berpeluang untuk mendapatkan konsultasi kewangan dan pemeriksaan kesihatan kewangan secara percuma sebagai sebahagian daripada komitmen Bank Muamalat dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan masyarakat.

Dengan inisiatif ini, Bank Muamalat berharap dapat terus memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat, baik melalui program sosial seperti Program Derma Darah mahupun melalui produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Derma Darah dan produk serta perkhidmatan kami, sila layari [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau laman sosial Bank Muamalat. Orang ramai juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di talian 03-2600 5500, atau kunjungi cawangan Bank Muamalat yang berhampiran.

## TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

**Syahida Azureen** | [syahida.azureen@muamalat.com.my](mailto:syahida.azureen@muamalat.com.my) | +6012 242 3696

**Mohd Nazrul Hafizi** | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384